

SIARAN BERITA



**NESTLÉ REKOD PERTUMBUHAN KUKUH DALAM TK2014
DIDORONG OLEH PASARAN DALAM NEGERI**

SOROTAN PENTING

- Pertumbuhan kukuh dalam perniagaan domestik dengan peningkatan dalam jumlah dagangan sebanyak 4.1%, didorong oleh pelancaran produk-produk baru dan sokongan pemasaran yang utuh.
- Jumlah dagangan adalah sebanyak RM4.8 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, peningkatan sebanyak 0.4% berbanding tahun sebelumnya.
- Dividen Akhir sebanyak RM1.75 sesaham telah dicadangkan di Mesyuarat Agung Tahunan.

KUALA LUMPUR, 23 April 2015 - Di tengah-tengah suasana ekonomi yang mencabar, Nestlé (Malaysia) Berhad mencatatkan pertumbuhan kukuh dalam pasaran domestik dengan peningkatan jumlah dagangan sebanyak 4.1% bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2014, berbanding tahun sebelumnya.

Encik Alois Hofbauer, Pengarah Urusan Nestlé (Malaysia) Berhad, mengulas selepas Mesyuarat Agung Tahunan Kumpulan: "Prestasi kami pada tahun ini adalah selaras dengan jangkaan. Kami gembira dengan keputusan mantap yang dicatatkan pada tahun 2014 dengan perniagaan domestik kami sekali lagi sebagai pemacu pertumbuhan walaupun dengan persekitaran ekonomi yang tidak menentu dan tuntutan keadaan pasaran. Pelaburan kami yang kukuh dalam aktiviti pemasaran dan promosi membuahkan hasil, seperti yang dibuktikan oleh jualan domestik yang semakin baik dan perluasan bahagian pasaran. "

Antara perkara penting yang telah dilakukan sepanjang tahun 2014 adalah termasuk Kempen 'Lebih Kebaikan, Lebih Nilai', pembinaan platform bagi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan Nestlé, dan juga promosi 'Lebih Nilai, Lebih Funtastik'. Ini tidak termasuk aktiviti promosi lain yang diadakan sepanjang tahun serta pelancaran produk-produk baru seperti NESTLÉ Ais Krim Goreng, MAGGI Royale Kari Seafood Pulau Pinang dan Daging Pedas Tumis Korea, serta KIT KAT RUBIES NESTLÉ, membolehkan Kumpulan mengukuhkan bahagian pasarannya dalam semua kategori produk utama, terutamanya dalam perniagaan Konfeksi, Aiskrim dan Minuman Cecair.

Pertumbuhan sederhana oleh perniagaan eksport, yang kekal pada trend menurun disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah daripada syarikat gabungan, seperti Filipina dan Indonesia, yang kini mempunyai keupayaan pengeluaran sendiri. Walaupun kelembapan eksport dan kos input yang lebih tinggi pada tahun 2014, permohonan konsisten Kumpulan dalam Landasan Kecemerlangan Berterusan Nestlé membenarkan penjimatan kos dan peningkatan operasi di bahagian produktiviti. Keuntungan bersih bagi tahun ini adalah pada RM550.4 juta, penurunan daripada tahun sebelumnya, manakala keuntungan operasi pula menurun sebanyak 1.3%.

Sebagai sebahagian daripada komitmen Kumpulan ke arah meningkatkan nilai kepada pemegang saham, semasa Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen akhir sebanyak RM1.75 sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. Ini menjadikan jumlah dividen bagi tahun kewangan 2014 kepada RM2.35 sen sesaham.

Q1 TK2015

Bagi suku pertama tahun kewangan semasa berakhir 31 Mac 2015, Kumpulan terus mencatatkan pertumbuhan dalam perniagaan domestik bagi mencapai peningkatan jumlah dagangan sebanyak 4.1%. Penyumbang utama kepada pertumbuhan adalah promosi terbesar Nestlé setakat ini iaitu kempen 'Lebih Nilai, Lagi Hebat' bagi pengguna di seluruh negara.

Sementara itu, jualan eksport terus menyaksikan kelembapan pada suku pertama TK2015, walaupun kesan yang diterima adalah lebih rendah berbanding pada suku sebelumnya, yang menunjukkan tanda-tanda penstabilan. Trend komoditi juga lebih baik secara keseluruhan berbanding dengan suku sebelumnya. Keuntungan kasar meningkat sebanyak 5.3%, yang membawa kepada peningkatan margin asas.

Pelaburan Kumpulan dalam aktiviti pemasaran dan promosi juga lebih tinggi, ini menyaksikan Kumpulan mendapat bahagian pasaran yang lebih besar. Ia menyebabkan keuntungan operasi bertambah baik iaitu sebanyak RM250.9 juta, peningkatan sebanyak 3.1% daripada suku yang sama tahun lepas, manakala keuntungan bersih adalah RM187.9 juta, peningkatan sebanyak 2.4%.

Outlook

Encik Hofbauer menambah, "Walaupun ada cabaran di masa depan, terutamanya dengan permintaan pengguna yang rendah berikutan bermulanya Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), kami percaya terdapat potensi yang besar untuk diterokai, dan kekal optimistik terhadap prospek jangka panjang. Kami akan terus memberi tumpuan terhadap pertumbuhan organik dan inovasi produk serta pelaburan pemasaran strategik yang berterusan bagi mengukuhkan pertumbuhan kami."

"Sejajar dengan ini, Kilang Sri Muda kami di Shah Alam sudah pun bersedia untuk beroperasi sepenuhnya pada Ogos 2015. Dengan rangsangan ini untuk kapasiti pengeluaran kami, kami bersedia untuk mengambil peluang dari pelbagai prospek, untuk kedua-dua perniagaan domestik dan eksport kami," kata Encik Hofbauer.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé yang merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia serta merupakan peneraju Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, beribu pejabat di Vevey, Switzerland. Sejak tahun 1866, Nestlé komited untuk menawarkan produk bermutu tinggi, lazat, selamat dan berkhasiat kepada para pengguna kami, sejajar dengan janji *Good Food, Good Life* kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak tahun 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna menerusi jenama dan produk berkualiti kami, serta komitmen untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi. Di Nestlé, para pengguna kami merupakan nadi dalam segala yang kami lakukan. Kami memberi nikmat kepada para pengguna melalui tawaran produk yang mempunyai kualiti yang terbaik; sejajar dengan asal-usul kami di Switzerland sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Untuk maklumat lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 5185

E-mel: Maxine.Lim@my.nestle.com

Joanne Lim atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my